



TARGET

PBD

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

TINGKATAN

5

KSSM

PRINSIP PERAKAUNAN

Hooi Lai Wan



PEMBELAJARAN DIGITAL

- ⚡ Info
- ⚡ Video
- ⚡ Kertas Model SPM
- ⚡ POT



PEMERKASAAN PBD & SPM

- ⚡ Nota Ekspres
Kod QR
- ⚡ Modul PBD
 - ▶ Praktis Topikal
 - ▶ KBAT & i-THINK
- ⚡ Modul SPM
 - ▶ Ujian Topikal
 - ▶ Kertas Model SPM
- ⚡ Jawapan
Kod QR

TARGET

PBD

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

TINGKATAN

5

KSSM

PRINSIP PERAKAUNAN

Hooi Lai Wan



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (89120-H)

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (89120-H)

Ibu Pejabat:

66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia.
Tel: 07-331 6288
E-mel: pelangi@pelangibooks.com

Pejabat Jualan:

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 03-8922 3993
Pertanyaan: customerservice@pelangibooks.com

© **Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 2025**

An ISO 9001:2015 QMS certified company

*Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, sawat, gambar, rakaman, atau sebagainya, tanpa kebenaran daripada **Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** terlebih dahulu.*

ISBN: 978-629-470-984-3





Cetakan Pertama 2025

KANDUNGAN







MODUL PBD

1 – 147








MODUL 1 Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan 1

- 1.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi    1




MODUL 2 Rekod Tak Lengkap 13

- 2.1 Pengenalan Rekod Tak Lengkap  13

- 2.2 Kaedah Perbandingan 15
- 2.3 Kaedah Analisis     21

MODUL 3 Perakaunan untuk Kawalan Dalaman 27




- 3.1 Kawalan Tunai   27
- 3.2 Penyata Penyesuaian Bank  28
- 3.3 Belanjawan Tunai     33

MODUL 4 Perakaunan untuk Perkongsian 39




- 4.1 Perniagaan Perkongsian   39

- 4.2 Akaun Pengasingan Untung Rugi 42

- 4.3 Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian    47

- 4.4 Pembubaran Perkongsian   49


MODUL 5 Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer 52


- 5.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer     52

- 5.2 Jenis Modal dan Terbitan Syer 54

- 5.3 Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer 58



- 5.4 Dividen Tunai   59

MODUL 6 Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan 63

- 6.1 Kelab dan Persatuan  63

- 6.2 Akaun Penerimaan dan Pembayaran 65

- 6.3 Akaun Yuran Ahli 67

- 6.4 Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan   68

- 6.5 Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan   73

MODUL 7**Perakaunan Kos**

77

7.1 Jenis Kos dan Kerja dalam Proses 77



7.2 Akaun Pengeluaran 80



7.3 Analisis Titik Pulang Modal 82

**MODUL SPM**

89 - 147

▷ Ujian 1

▷ Ujian 2

▷ Ujian 3

▷ Kertas Model SPM

▷ eKertas Model SPM **Kod QR****▶▶▶ JAWAPAN**

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/PPerakaunanT5/Jawapan.pdf>



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd

Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan



Nota Ekspres
Modul 1

1.1


Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi

Buku Teks ms. 2 – 23

1. Lengkapkan rajah di bawah.

TP 2

SP
10.1.1



2. Padankan jenis nisbah dan fungsinya.

SP
10.1.1

Jenis Nisbah
Nisbah Keberuntungan
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan
Peratus Untung Kasar atas Jualan
Peratus Untung Bersih atas Jualan
Pulangan atas Modal
Nisbah Kecairan
Nisbah Semasa
Nisbah Ujian Asid
Nisbah Kecekapan
Kadar Pusing Ganti Inventori
Tempoh Kutipan Hutang
Tempoh Pembayaran Hutang

Fungsi
Menunjukkan peratus untung bersih yang diperoleh daripada jualan bersih.
Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.
Mengukur kemampuan perniagaan menjelaskan liabiliti semasanya mengikut tempoh yang ditetapkan.
Mengukur kemampuan perniagaan untuk memperoleh keuntungan.
Menunjukkan peratus penambahan pada kos barang untuk mendapatkan harga jualan.
Mengukur peratus untung kasar bagi setiap ringgit jualan bersih.
Mengukur keupayaan perniagaan mengutip hutang daripada pelanggan.
Menunjukkan kemampuan perniagaan untuk membayar pelbagai jenis hutang dan pinjaman.
Menguji kecekapan operasi sesebuah syarikat.
Mengukur kemampuan perniagaan untuk membayar liabiliti semasa dengan cepat.
Mengukur tempoh yang diperlukan oleh perniagaan bagi menjelaskan hutangnya.
Menguji kepantasan barang niaga dijual dalam satu tempoh perakaunan.

INFO



Types of Financial Analysis

3. Tuliskan rumus nisbah yang berikut:
- (a) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)

$$\text{Tokokan} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$$

- (b) Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin)

$$\text{Margin Untung Kasar} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

- (c) Peratus Untung Bersih atas Jualan

$$\text{Margin Untung Bersih} = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

- (d) Pulangan atas Modal

$$\text{Pulangan atas Modal} = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$$

4. Lido Enterprise mempunyai maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Oktober 2025.

	RM
Inventori Awal	14 000
Inventori Akhir	16 000
Jualan Bersih	93 650
Belian Bersih	55 324
Upah Gudang	3 780
Jumlah Hasil	8 500
Jumlah Perbelanjaan	20 400

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Kos Jualan

$$\begin{aligned} \text{Kos Jualan} &= \text{Inventori Awal} + \text{Belian Bersih} + \text{Upah Gudang} - \text{Inventori Akhir} \\ &= \text{RM}14\,000 + \text{RM}55\,324 + \text{RM}3\,780 - \text{RM}16\,000 \\ &= \text{RM}57\,104 \end{aligned}$$

- (b) Untung Kasar

$$\begin{aligned} \text{Untung Kasar} &= \text{Jualan Bersih} - \text{Kos Jualan} \\ &= \text{RM}93\,650 - \text{RM}57\,104 \\ &= \text{RM}36\,546 \end{aligned}$$

(c) Margin Untung Kasar

$$\begin{aligned} \text{Margin Untung Kasar} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM36 546}}{\text{RM93 560}} \times 100 \\ &= 39.06\% \end{aligned}$$

(d) Tokokan

$$\begin{aligned} \text{Tokokan} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM36 546}}{\text{RM57 104}} \times 100 \\ &= 64\% \end{aligned}$$

(e) Margin Untung Bersih

$$\begin{aligned} \text{Untung Bersih} &= \text{Untung Kasar} + \text{Jumlah Hasil} - \text{Jumlah Perbelanjaan} \\ &= \text{RM36 546} + \text{RM8 500} - \text{RM20 400} \\ &= \text{RM24 646} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Margin Untung Bersih} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM24 646}}{\text{RM93 560}} \times 100 \\ &= 26.34\% \end{aligned}$$

5. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Suresh bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

SP
10.1.2

TP 3 **TP 4**

	RM
Belian	115 000
Jualan	160 000
Belanja Kendalian	12 000
Inventori Awal	11 000
Inventori Akhir	10 000
Modal Awal	200 000

Anda dikehendaki menghitung dan memberi tafsiran kepada setiap nisbah keberuntungan yang berkenaan:

- (a) Kos Jualan
- (b) Untung Kasar
- (c) Untung Bersih
- (d) Tokokan
- (e) Margin Untung Kasar
- (f) Margin Untung Bersih
- (g) Pulangan atas Modal

6. Tuliskan rumus nisbah yang berikut:

(a) Nisbah Semasa

$$\text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

(b) Nisbah Ujian Asid

$$\text{Nisbah Ujian Asid} = \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

7. Perniagaan Berjaya memberi maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022.

TP 3 TP 4

SP
10.1.3

	RM
Inventori 1 September 2021	6 500
Inventori 31 Ogos 2022	8 600
Bank	12 500
Tunai Runcit	500
Akaun Belum Bayar	6 250
Akaun Belum Terima	9 540
Insurans Belum Bayar	2 000
Sewa Belum Terima	800
Pinjaman Bank	10 000

Maklumat tambahan:

Pinjaman bank akan matang pada 30 Jun 2023.

Anda dikehendaki:

(a) menghitung

(i) Nisbah Semasa

$$\begin{aligned} \text{Nisbah Semasa} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM8 600} + \text{RM12 500} + \text{RM500} + \text{RM9 540} + \text{RM800}}{\text{RM6 250} + \text{RM2 000} + \text{RM10 000}} \\ &= \frac{\text{RM31 940}}{\text{RM18 250}} \\ &= 1.75 : 1 \end{aligned}$$

(ii) Nisbah Ujian Asid

$$\begin{aligned} \text{Nisbah Ujian Asid} &= \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM31 940} - \text{RM8 600}}{\text{RM18 250}} \\ &= \frac{\text{RM23 340}}{\text{RM18 250}} \\ &= 1.27 : 1 \end{aligned}$$

(b) Terangkan rumusan tentang nisbah yang dihitung dalam (a).

Nisbah Semasa 1.75 : 1 bermaksud perniagaan mempunyai aset semasa sebanyak RM1.75 untuk membayar liabiliti semasa sebanyak RM1.00.

Nisbah Ujian Asid 1.27 : 1 bermaksud perniagaan mempunyai aset semasa sebanyak RM1.27 untuk membayar liabiliti semasa sebanyak RM1.00 tanpa menjual inventori akhirnya.

8. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Bunga Rasa Sayang pada 31 Oktober 20X9.

SP
10.1.3

TP 3 **TP 4**

	RM		RM
Inventori pada 1 November 20X8	2 650	Pinjaman	7 000
Inventori pada 31 Oktober 20X9	3 130	Premis	30 120
Kos Jualan	8 870	Alat Pejabat	5 210
Untung Kasar	3 860	Akaun Belum Bayar	1 105
Jumlah Belanja	2 115	Overdraif Bank	1 500
Tunai di Tangan	330	Modal pada 1 November 20X8	30 000
Akaun Belum Terima	2 560		

Anda dikehendaki menghitung nisbah dan membuat tafsiran yang berikut:

- Tokokan
- Margin Untung Kasar
- Pulangan atas Modal
- Nisbah Semasa
- Nisbah Ujian Asid

9. Tuliskan rumus nisbah yang berikut:

(a) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$\text{Kadar Pusing Ganti Inventori} = \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$$

(b) Inventori Purata

$$\text{Inventori Purata} = \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$$

(c) Tempoh Kutipan Wang

$$\text{Tempoh Kutipan Wang} = \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

(d) Tempoh Pembayaran Hutang

$$\text{Tempoh Pembayaran Wang} = \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Aman pada 31 Disember 2022.

TP 3 TP 4

SP
10.1.4

	RM
Belian Kredit	30 500
Jualan Kredit	55 000
Akaun Belum Terima	6 200
Akaun Belum Bayar	4 500
Inventori 1 Januari 2022	2 000
Inventori 31 Disember 2022	3 500

Nota: Perniagaan Aman menjalankan belian dan jualan kredit sahaja.

Anda dikehendaki menghitung:

(a) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$\begin{aligned} \text{Kos Jualan} &= \text{Inventori Awal} + \text{Belian Bersih} - \text{Inventori Akhir} \\ &= \text{RM}2\,000 + \text{RM}30\,500 - \text{RM}3\,500 \\ &= \text{RM}29\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Inventori Purata} &= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2} \\ &= \frac{\text{RM}2\,000 + \text{RM}3\,500}{2} \\ &= \frac{\text{RM}5\,500}{2} \\ &= \text{RM}2\,750 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kadar Pusing Ganti Inventori} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\ &= \frac{\text{RM}29\,000}{\text{RM}2\,750} \\ &= 10.54 \text{ kali} \end{aligned}$$

(b) Tempoh Kutipan Hutang

$$\begin{aligned} \text{Tempoh Kutipan Hutang} &= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM}6\,200}{\text{RM}55\,000} \times 365 \text{ hari} \\ &= 41.15 \text{ hari} \end{aligned}$$

(c) Tempoh Pembayaran Hutang

$$\begin{aligned} \text{Tempoh Pembayaran Hutang} &= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM4 500}}{\text{RM30 500}} \times 365 \text{ hari} \\ &= 53.85 \text{ hari} \end{aligned}$$

11. Maklumat berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Ru Ying pada 31 Disember 20X0:

SP
10.1.4

TP 3 **TP 4**

Syarikat Ru Ying
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X0

	RM		RM
Aset Bukan Semasa		Ekuiti Pemilik	
Perabot	4 870	Modal Awal	7 664
		<i>Tambah: Untung Bersih</i>	2 966
			10 630
Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Inventori Akhir	4 040	Akaun Belum Bayar	3 450
Tunai	1 150	Overdraf Bank	1 350
Akaun Belum Terima	5 370		15 430
	15 430		

Maklumat tambahan:

- (i) Jualan kredit ialah RM75 300.
- (ii) Belian kredit ialah RM101 250.
- (iii) Jualan bersih sebanyak RM90 500.

Anda dikehendaki mengira perkara berikut berdasarkan maklumat yang diberikan. Tafsirkan jawapan yang diperoleh.

- (a) Nisbah Semasa
- (b) Nisbah Ujian Asid
- (c) Margin Untung Bersih
- (d) Pulangan atas Modal
- (e) Tempoh Kutipan Hutang
- (f) Tempoh Pembayaran Hutang

12. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Persolekan Scarlett.

TP 3 **TP 4**

SP
10.1.4

	RM
Inventori 1 Januari 20X0	3 625
Inventori 31 Disember 20X0	4 285
Jualan	56 772
Pulangan Jualan	222

Margin Untung Kasar ialah 30% daripada perolehan.

Kirakan Tokokan dan Kadar Pusing Ganti Inventori bagi Kedai Persolekan Scarlett. Tafsirkan jawapan yang diperolehi.

13. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Syarikat Kenn Shaun pada 31 Mac 20X0.

SP
10.1.5

Syarikat Kenn Shaun		
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 20X0		
	RM	RM
Jualan Bersih		37 273
<i>Tolak: Kos Jualan</i>		
Inventori Awal	1 650	
Belian Bersih	23 490	
Kos Barang untuk Dijual	25 140	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	(2 160)	
Kos Jualan		(22 980)
Untung Kasar		14 293
<i>Tambah: Hasil</i>		2 305
		16 598
<i>Tolak: Belanja</i>		(6 313)
Untung Bersih		10 285

Syarikat Kenn Shaun			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 20X0			
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Bangunan		55 000	
Kenderaan		15 800	
Alatan Pejabat		2 890	
			73 690
Akaun Semasa			
Inventori Akhir	2 160		
Bank	3 665		
Akaun Belum Terima	3 230		
		9 055	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>			
Akaun Belum Bayar		(3 840)	
Modal Kerja			5 215
			78 905
Ekuiti Pemilik			
Modal Awal			70 000
<i>Tambah: Untung Bersih</i>			10 285
			80 285
<i>Tolak: Ambilan</i>			(1 380)
			78 905

Maklumat tambahan:

- (i) Semua jualan ialah jualan kredit.
- (ii) Belian kredit ialah 90% daripada jumlah belian.

Anda dikehendaki mengira:

(a) Tokokan

$$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$$

$$= \frac{\text{RM14 293}}{\text{RM22 980}} \times 100\%$$

$$= 62.20\%$$

(b) Margin Untung Kasar

$$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

$$= \frac{\text{RM14 293}}{\text{RM37 273}} \times 100\%$$

$$= 38.35\%$$

(c) Margin Untung Bersih

$$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

$$= \frac{\text{RM10 285}}{\text{RM37 273}} \times 100\%$$

$$= 27.59\%$$

(d) Pulangan atas Modal

$$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$$

$$= \frac{\text{RM10 285}}{\text{RM70 000}} \times 100\%$$

$$= 14.70\%$$

(e) Nisbah Semasa

$$= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

$$= \frac{\text{RM9 055}}{\text{RM3 840}}$$

$$= 2.36 : 1$$

(f) Nisbah Ujian Asid

$$= \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

$$= \frac{\text{RM9 055} - \text{RM2 160}}{\text{RM3 840}}$$

$$= 1.80 : 1$$

(g) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$$

$$= \frac{\text{RM22 980}}{\text{RM1 905}}$$

$$= 12 \text{ kali}$$

(h) Tempoh Kutipan Hutang

$$= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= \frac{\text{RM3 230}}{\text{RM37 273}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= 31.63 \text{ hari}$$

(i) Tempoh Pembayaran Hutang

$$= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= \frac{\text{RM3 840}}{\text{RM21 141}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= 66.3 \text{ hari}$$

14. Maklumat berikut merupakan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah bagi tahun 20X9 dan 20X0. **TP 5****SP**
10.1.6**Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember**

	20X9		20X0	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		155 478		159 674
Pulangan Jualan		(1 586)		(1 886)
		<u>153 892</u>		<u>157 788</u>
Inventori Awal	14 750		10 700	
Belian	120 650		116 079	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	(15 160)	(120 240)	(9 899)	(116 880)
Untung Kasar		<u>33 652</u>		<u>40 908</u>
Tambah: Hasil				
Komisen Diterima		9 425		11 110
Tolak: Belanja				
Sewa	3 000		4 400	
Gaji	1 800		2 600	
Belanja Utiliti	340	(5 140)	520	(7 520)
Untung Bersih		<u><u>37 937</u></u>		<u><u>44 498</u></u>

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember

	20X9			20X0		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa						
Premis		160 000			250 000	
Kenderaan		57 600			51 840	
Lengkapan		<u>28 800</u>	246 400		<u>32 360</u>	334 200
Aset Semasa						
Inventori Akhir	15 160			9 899		
Tunai	2 500			5 908		
Akaun Belum Terima	28 800			27 960		
Bank	<u>41 700</u>	88 160		<u>42 000</u>	85 767	
Tolak: Liabiliti Semasa						
Akaun Belum Bayar		<u>(22 560)</u>			<u>(17 350)</u>	
Modal Kerja			65 600			68 417
			<u>312 000</u>			<u>402 617</u>
Ekuiti Pemilik						
Modal			130 063			218 119
<i>Tambah: Untung Bersih</i>			37 937			44 498
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman			144 000			140 000
			<u>312 000</u>			<u>402 617</u>

Maklumat tambahan: 20% daripada belian adalah belian tunai manakala 40% daripada jualan adalah jualan tunai.

Anda dikehendaki membandingkan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah bagi tahun 20X9 dan 20X0 berdasarkan nisbah keberuntungan, nisbah kecairan dan nisbah kecekapan. Nilai prestasi Kedai Baju Aisyah.

15. Maklumat berikut merupakan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah dan Kedai Baju Nadiah bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0. TP 5 TP 6

10.1.6
10.1.7
10.1.8

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0

	Kedai Baju Aisyah		Kedai Baju Nadiah	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		157 788		167 892
Inventori Awal	10 700		27 290	
Belian	116 079		119 650	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	(9 899)	(116 880)	(16 150)	(130 790)
Untung Kasar		40 908		37 102
<i>Tambah: Hasil</i>				
Komisen Diterima		11 110		4 295
<i>Tolak: Belanja</i>				
Sewa	4 400		9 100	
Gaji	2 600		3 230	
Belanja Utiliti	520	(7 520)	2 130	(14 460)
Untung Bersih		44 498		26 937

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X0

	Kedai Baju Aisyah			Kedai Baju Nadiah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa						
Premis		250 000			300 000	
Lengkapan		84 200	334 200		79 980	379 980
Aset Semasa						
Inventori Akhir	9 899			16 150		
Akaun Belum Terima	27 960			34 780		
Bank	47 908	85 767		40 240	91 170	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>						
Akaun Belum Bayar		(17 350)			(14 550)	
Modal Kerja			68 417			76 620
			402 617			456 600
Ekuiti Pemilik						
Modal			218 119			229 663
<i>Tambah: Untung Bersih</i>			44 498			26 937
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman			140 000			200 000
			402 617			456 600

Maklumat tambahan:

- (i) Kedai Baju Aisyah: 20% daripada belian adalah belian tunai manakala 40% daripada jualan adalah jualan tunai.
- (ii) Kedai Baju Nadiah: Semua belian adalah secara kredit manakala 30% daripada jualan adalah jualan tunai.

Anda dikehendaki membandingkan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah dan Kedai Baju Nadiah bagi tahun 20X0 dan nilaikan prestasi kedai baju tersebut. Jika anda seorang pelabur, kedai baju yang manakah akan anda pilih untuk membuat pelaburan?

Rekod Tak Lengkap



Nota Ekspres
Modul 2


2.1 Pengenalan Rekod Tak Lengkap

Buku Teks ms. 36 – 37

1. Lengkapkan rajah di bawah. **i-Think** **Peta Buih**

TP 1

SP
11.1.1



Rekod Tak Lengkap

eP+ PPT

2. Kebiasaannya, perniagaan kecil-kecilan yang mengamalkan sistem rekod tak lengkap. Senaraikan contoh perniagaan tersebut.

(a) Perniagaan pasar malam

(b) Perniagaan kedai runcit

(c) Warung makanan

(Terima jawapan lain yang munasabah)

3. Senaraikan kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan untung atau rugi bagi perniagaan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.

SP
11.1.1


(a) [Kaedah Perbandingan](#)

(b) [Kaedah Analisis](#)

4. Lengkapkan rajah di bawah. **i-Think** **Peta Buih**

TP 2

SP
11.1.2



Perakaunan untuk Kawalan Dalaman




Nota Ekspres
Modul 3

3.1 Kawalan Tunai

Buku Teks ms. 72 – 73

1. Lengkapkan rajah di bawah.

SP
12.1.1



TP 1

VIDEO



Kawalan Tunai: Konsep

eP+ PPT

2. Nyatakan kaedah kawalan tunai berdasarkan penerangan berikut. **i-Think** **Peta Dakap**

SP
12.1.1

TP 1

Kaedah Kawalan Tunai	(a) Belanjawan Tunai	Perniagaan membuat anggaran penerimaan dan pembayaran tunai bagi suatu tempoh tertentu.
	(b) Penyata Penyesuaian Bank	Perniagaan menyediakannya bagi menyelaraskan baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.

3.2 Penyata Penyesuaian Bank

3. Apakah tujuan Penyata Bank dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang Akaun Semasa?

SP
12.2.1

- (a) [Mengetahui baki akhir Akaun Bank.](#)
- (b) [Mengetahui jumlah yang dibayar dan diterima.](#)
- (c) [Menyemak dan membandingkan catatan di Buku Tunai dengan Penyata Bank.](#)

4. Dokumen berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

SP
12.2.1

Penyata Bank Bank Makmur Berhad 46, Jalan Ehsan, 58000 Kuala Lumpur.					
Syarikat Delima 3, Jalan Perang, 58050 Kuala Lumpur.			No. Akaun: 08-466680-50 Tarikh: 30 Jun 20X0		
Tarikh	Butir	No. Cek	Wang Keluar (Dt.)	Wang Masuk (Kt.)	Baki
20X0			RM	RM	RM
Jun 1	Baki (Kt.)				5 260
2	Cek	180	400		4 860
19	Deposit			1 020	5 880
26	Cek	182	500		5 380
28	Dividen			240	5 620

Berdasarkan maklumat di atas, isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- (a) Dokumen di atas merupakan [Penyata Bank](#) yang disediakan oleh [Bank Makmur Berhad](#) kepada [Syarikat Delima](#).
- (b) Catatan di sebelah [Kredit](#) di dokumen tersebut menunjukkan tunai dan cek yang diterima dan dibankkan.
- (c) Catatan di sebelah [Debit](#) di dokumen tersebut menunjukkan pembayaran yang dibuat dengan cek.
- (d) Baki akhir dokumen tersebut menunjukkan baki [Kredit](#) pada 30 Jun 20X0.
- (e) Sekiranya baki akhir dokumen tersebut tidak sama dengan baki akhir Buku Tunai, maka peniaga harus menyediakan [Penyata Penyesuaian Bank](#).

Perakaunan untuk Perkongsian



Nota Ekspres
Modul 4


4.1 Perniagaan Perkongsian

Buku Teks ms. 108 – 111

1. Lengkapkan rajah berikut. **i-Think** **Peta Pokok**

TP 1

SP
13.1.1



eP+ PPT

2. Lengkapkan jadual berikut tentang perbandingan antara perniagaan perkongsian dengan milikan tunggal.

SP
13.1.2

Aspek Perakaunan	Perkongsian	Milikan Tunggal
Bilangan pemilik	Dimiliki oleh 2 hingga 20 orang pekongsi	Dimiliki oleh seorang pemilik
Sumbangan modal	Disumbangkan oleh semua pekongsi	Disumbangkan oleh pemilik perniagaan
Hayat perniagaan	Tidak kekal	Tidak kekal
Pembahagian untung atau rugi	Dibahagikan antara pekongsi mengikut nisbah yang dipersetujui	Dinikmati oleh pemilik perniagaan
Penyediaan Penyata Kewangan	Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi serta Akaun Pengasingan Untung Rugi	Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
Komponen Ekuiti Pemilik	Terdiri daripada Akaun Modal dan Akaun Semasa	Akaun Modal

Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer



Nota Ekspres
Modul 5


5.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer

Buku Teks ms. 160 – 163

SP + PPT

1. Dengan menggunakan rajah yang sesuai, terangkan langkah-langkah penubuhan syarikat.

SP
14.1.1



2. Perlembagaan syarikat merupakan dokumen yang mengikatkan syarikat, pengarah syarikat dan pemegang syer. Sekiranya perlembagaan syarikat tidak diwujudkan, maka segala perselisihan perlu diselesaikan dengan merujuk kepada Akta Syarikat 2016.

SP
14.1.2

Anda dikehendaki menghasilkan peta i-THINK yang sesuai tentang kandungan perlembagaan syarikat menurut Akta Syarikat 2016.



Syarikat Berhad

(Terima jawapan lain yang munasabah)

Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan



Nota Ekspres
Modul 6

6.1 Kelab dan Persatuan

Buku Teks ms. 192 – 195

1. Lengkapkan jadual berikut yang menunjukkan perbezaan antara kelab dan persatuan dengan entiti berorientasikan keuntungan.

SP
15.1.1

	Kelab dan Persatuan	Entiti Berorientasikan Keuntungan
Takrifan	Organisasi bukan bermotif untung yang ditubuhkan dengan tujuan menyediakan kemudahan dan menjaga kebajikan ahlinya.	Entiti perniagaan yang ditubuhkan dengan tujuan mendapatkan keuntungan.
Akta Perundangan	Akta Pertubuhan 1966	Akta Pendaftaran Perniagaan Akta Perkongsian 1961 Akta Syarikat 2016
Tatacara Penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan mesyuarat penubuhan. • Menetapkan nama pertubuhan, alamat berdaftar dan melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Penaja. • Menetapkan undang-undang perlembagaan pertubuhan. • Mendaftarkan pertubuhan dalam sistem eROSES. • Menyemak permohonan pendaftaran selepas membuat bayaran fi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengisi dan mengemukakan Borang "A". • Mendaftarkan perniagaan. • Mendapatkan Sijil Akaun Pendaftaran (Borang D). • Mempamerkan Sijil Akaun Pendaftaran di premis perniagaan.
Sumber Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran ahli • Yuran pendaftaran • Kutipan derma • Yuran pertandingan (Terima jawapan lain yang munasabah)	<ul style="list-style-type: none"> • Jualan • Komisen diterima • Hasil perkhidmatan yang diberi (Terima jawapan lain yang munasabah)
Contoh	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Bulan Sabit Merah • Kelab Bola Sepak Taman Indah • Persatuan Komuniti Taman Mutiara (Terima jawapan lain yang munasabah)	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Runcit Ali • Klinik Dr James dan Rakan-rakan • Syarikat Aman Sdn Bhd (Terima jawapan lain yang munasabah)

Perakaunan Kos



Nota Ekspres
Modul 7

7.1 Jenis Kos dan Kerja dalam Proses

Buku Teks ms. 236 – 242


1. Apakah yang dimaksudkan dengan kos pengeluaran? TP 1

SP 16.1.1 Kos pengeluaran ialah amaun yang dibayar oleh sesebuah firma bagi memperoleh barang atau perkhidmatan yang mana akan digunakan dalam proses pengeluaran.

eP+PPT

2. Ali pemilik Kilang Baju Segak telah memberikan anda maklumat seperti berikut. Anda dikehendaki membantu Ali mengklasifikasikan item kepada komponen kos pengeluaran yang betul. TP 1

SP 16.1.2



	Item	RM	Kos
(a)	Inventori kain (1 Januari 20X0)	2 540	A
(b)	Upah tukang jahit	2 140	B
(c)	Belian kain	20 880	A
(d)	Kos reka bentuk baju	5 380	C
(e)	Gaji penyelia stor	2 430	D
(f)	Angkutan masuk kain	560	A
(g)	Sewa kilang	4 280	D

	Item	RM	Kos
(h)	Inventori kain (31 Disember 20X0)	1 240	A
(i)	Gaji pekerja membungkus baju	2 500	B
(j)	Insurans kilang	1 890	D
(k)	Kos reka bentuk baju	600	C
(l)	Operator mesin jahit	1 200	D

3. Kirakan jumlah setiap komponen kos pengeluaran Kilang Baju Segak yang telah diklasifikasikan di Soalan 2. TP 3

SP 16.1.3

Kos A = RM25 220

Kos B = RM4 640

Kos C = RM5 980

Kos D = RM9 800

MODUL SPM

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1

Modul 1 – Modul 2

91-100

UJIAN 2

Modul 3 – Modul 4

101-116

UJIAN 3

Modul 5 – Modul 7

117-133

**KERTAS MODEL
SPM**

134-147

**eKERTAS MODEL
SPM**



<https://qr.pelangibooks.com/?u=qzoQlg1Y>

*Jangan lupa Pelangi Online Test (POT)
untuk latihan ekstra!*

▶▶▶ **POT**

<https://qr.pelangibooks.com/?u=POTPP5>

Enrolment key: mk4#aFph



KERTAS 1

1. Puan Belinda Lee memaklumkan firmanya akan memperoleh untung kasar sebanyak 40 sen bagi setiap RM1 jualan.

MODUL 1
Buku Teks ms. 4

Apakah analisis nisbah yang digunakan Puan Belinda Lee?

- A Margin C Nisbah kecairan
 B Tokokan D Pulangan atas modal

2. X menggambarkan bahawa pelaburan diurus dengan baik jika nilainya tinggi. Apakah X?

MODUL 1
Buku Teks ms. 6

- A Margin C Nisbah Semasa
 B Tokokan D Pulangan atas Modal

3. Petikan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi berikut diambil daripada buku Perniagaan Naga Ria bagi tahun berakhir 30 September 20X0.

MODUL 1
Buku Teks ms. 4

	RM	RM
Jualan Bersih		137 520
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal	18 250	
Belian Bersih	122 680	
	140 930	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(26 330)	(114 600)
Untung Kasar		22 920

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A 16.67% C 18.69%
 B 16.26% D 20%

4. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Malini.

MODUL 1
Buku Teks ms. 4

Tokokan	25%
Margin	10%

Apakah tafsiran daripada maklumat tersebut?

- A Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 25 sen
 B Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 10 sen
 C Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 25 sen
 D Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 10 sen

5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Besraya Enterprise bagi tahun berakhir 31 Mei 20X0.

MODUL 1
Buku Teks ms. 4

	RM
Inventori Awal	12 650
Inventori Akhir	15 320
Belian	38 540
Jualan	52 370
Untung Kasar	16 500

Berapakah Tokokan bagi Besraya Enterprise?

- A 31.5% C 42.8%
 B 32.2% D 46%

6. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Wey Zen Sendirian Berhad.

MODUL 1
Buku Teks ms. 6

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 20X0


Jualan	104 000
<i>Tolak:</i> Kos Jualan	(26 000)
Untung Kasar	78 000
<i>Tambah:</i> Hasil	6 500
	84 500
<i>Tolak:</i> Belanja	(32 500)
Untung Bersih	52 000

Sekiranya anda ingin membuat pelaburan dan menetapkan sasaran pulangan atas modal sebanyak 20%, berapakah modal yang anda perlukan?

- A RM520 000 C RM260 000
 B RM390 000 D RM130 000

7. Rajah berikut digunakan untuk mengukur kecairan sesuatu perniagaan.

MODUL 1
Buku Teks ms. 6



Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Aset	Liabiliti
B	Aset Semasa	Liabiliti Semasa
C	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
D	Aset Bukan Semasa	Liabiliti Bukan Semasa

8. Maklumat berikut diambil daripada Syarikat How Yuan Sendirian Berhad pada 31 Mei 20X0.

MODUL 1
Buku Teks ms. 6

	RM
Akaun Belum Terima	3 240
Inventori Akhir	1 860
X	2 550

Nisbah Semasa syarikat ialah 2 : 1.

Apakah **X**?

- A** Tunai **C** Simpanan tetap
B Pinjaman bank **D** Overdraf bank

9. Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Ramesh pada 31 Mac 20X0.

MODUL 1
Buku Teks ms. 7

	RM
Aset Bukan Semasa	200 000
Aset Semasa	150 000
Liabiliti Bukan Semasa	100 000
Liabiliti Semasa	50 000

Berapakah Nisbah Semasa?

- A** 1 : 2 **C** 1 : 3
B 2 : 1 **D** 3 : 1

10. Nisbah Semasa Syarikat Milan ialah 1 : 2. Apakah tindakan yang perlu diambil Syarikat Milan untuk memperbaiki tahap kecairan tersebut?

BAB 1
Buku Teks ms. 4

- I Menambahkan lagi inventori perniagaan
II Memanjangkan tempoh jualan kredit
III Menjual sebahagian Aset Bukan Semasa
IV Menggadaikan Aset Bukan Semasa kepada bank

- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

11. Nisbah Semasa bagi Syarikat Fresh Dairy adalah seperti berikut:

MODUL 1
Buku Teks ms. 17-18

Tahun	20X7	20X8	20X9	20X0
Nisbah Semasa	13.2 : 1	13.5 : 1	16.3 : 1	16.8 : 1

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Syarikat Fresh Dairy membayar hutang jangka pendeknya paling baik?

- A** 20X7 **C** 20X9
B 20X8 **D** 20X0

12. Baki-baki berikut diperolehi daripada buku Syarikat Surinder pada 31 Julai 20X9.

MODUL 1
Buku Teks ms. 7

	RM
Lengkapan	12 000
Bank (overdraf)	372
Akaun Belum Terima	2 420
Akaun Belum Bayar	1 080
Inventori Akhir	3 620
Iklan Prabayar	2 870
Sewa Belum Terima	1 960

Berapakah Nisbah Ujian Asid perniagaan itu pada tarikh tersebut?

- A** 1.8 : 1 **C** 2.5 : 1
B 2.4 : 1 **D** 4.9 : 1

13. Apakah maksud Kadar Pusing Ganti Inventori yang rendah?

MODUL 1
Buku Teks ms. 8

- I Inventori jualan kurang laris
II Tukar ganti inventori yang tidak kerap
III Cekap dalam mengurus inventori
IV Berkemampuan menjelaskan hutang Akaun Belum Bayar

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Kek Fluffy.

MODUL 1
Buku Teks ms. 8

	RM
Inventori pada 1 Mei 20X0	15 600
Inventori pada 30 April 20X1	31 200
Kos Jualan	93 600

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori?

- A** 2 kali
B 3 kali
C 4 kali
D 5 kali

15. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Sweet Delight.

MODUL 1
Buku Teks ms. 8

	RM
Inventori pada 1 Januari 20X0	25 020
Inventori pada 31 Disember 20X0	22 860
Untung Kasar	20 850
Kadar Pusing Ganti Inventori	7 kali

Berapakah kos jualan?

- A** RM145 950
B RM160 020
C RM167 580
D RM175 140



MODUL 2
Buku Teks
ms. 50-51

37. Maklumat yang berikut diperoleh daripada Kedai Maluri yang mengamalkan sistem catatan tunggal. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Mei 20X0.

	1 Jun 20X9	31 Mei 20X0
	RM	RM
Sewa Belum Bayar	1 230	2 640
Sewa sebanyak RM8 760 telah dibayar dengan cek pada 29 Mei 20X0.		

Berapakah jumlah sewa bagi tempoh perakaunan tersebut?

- A RM4 890
- B RM7 350
- C RM10 170**
- D RM12 630

MODUL 2
Buku Teks
ms. 50-51

38. Pn. Melissa Wong, seorang peniaga runcit mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Beliau membuat analisis berkaitan perabot perniagaannya seperti berikut:

	RM
Baki perabot pada 1 Januari 20X0	5 650
<i>Tambah:</i> Belian perabot baharu	3 280
	<hr/> 8 930
<i>Tolak:</i> Baki perabot pada 31 Disember 20X0	(7 330)
X	<hr/> <hr/> 1 600

Apakah X?

- A** Susut nilai perabot
- B Rugi jualan perabot
- C Untung jualan perabot
- D Baki perabot pada 1 Januari 20X1

KERTAS 2

1. Berdasarkan maklumat berikut, hitung kos jualan bagi Jojo Enterprise jika margin untung kasar adalah 25%.

	RM
Jualan	720 000
Inventori Awal	36 000
Inventori Akhir	42 000

[2 markah]

2. Maklumat berikut telah diambil daripada buku Perniagaan Zahrah pada 31 Mei 20X0.

	RM
Inventori Awal	2 450
Belian	28 220
Inventori Akhir	2 930
Margin Untung Kasar adalah 20%.	

Anda dikehendaki mengira:

- (a) Kos Jualan
- (b) Jualan
- (c) Untung Kasar
- (d) Tokokan
- (e) Inventori Purata
- (f) Kadar Pusing Ganti Inventori

[12 markah]

3. Puan Aminah memerlukan bantuan anda untuk mengukur prestasi perniagaan beliau berdasarkan maklumat berikut.

	RM
Jualan	210 450
Belian	130 750
Pulangan Keluar	2 000
Inventori pada 1 Oktober 20X9	10 500
Modal pada 1 Oktober 20X9	125 750
Belanja kendalian yang lain	38 300
Kos pembiayaan pinjaman	14 250

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 20X0 adalah RM13 250 dan RM12 500 pada harga pasaran.
 (ii) Nota kredit dihantar setelah invoice jualan kerana kesilapan penghantaran barang niaga RM1 250. Maklumat ini belum direkodkan.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi enam bulan berakhir 31 Mac 20X0. [8 markah]
- (b) Menghitung:
- | | |
|----------------------------------|---------------------------|
| (i) Kadar Pusing Ganti Inventori | (iv) Margin Untung Bersih |
| (ii) Tokokan | (v) Pulangan atas Modal |
| (iii) Margin Untung Kasar | [10 markah] |

4. Kedai Bunga Rasa Sayang dan Kedai Bunga Sri Ayu adalah dua buah perniagaan yang menjual bunga segar. Berikut adalah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Oktober 20X0.

Kedai Bunga Rasa Sayang

	RM
Akaun Belum Bayar	2 210
Untung Bersih	3 490
Akaun Belum Terima	5 120
Pinjaman Bank	14 000
Kenderaan	60 240
Overdraf Bank	3 000
Tunai	660
Inventori Purata	5 780
Untung Kasar	7 720
Sewa Belum Bayar	2 800
Jualan	25 460
Komisen Belum Terperoleh	4 230
Modal pada 1 November 20X9	60 000
Alatan Pejabat	10 420

Kedai Bunga Sri Ayu

Kadar Pusing Ganti Inventori sebanyak 4 kali.
Pulangan atas Modal 6%.

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** perkara berikut bagi Kedai Bunga Rasa Sayang:
- | | |
|-----------------------------------|-------------|
| (i) Kos Jualan | |
| (ii) Tokokan | |
| (iii) Margin Untung Kasar | |
| (iv) Kadar Pusing Ganti Inventori | |
| (v) Pulangan atas Modal | [10 markah] |
- (b) Prestasi perniagaan manakah yang lebih baik? Berikan alasan anda. [2 markah]

UJIAN 2

KERTAS 1

1. Berikut merupakan situasi dalam Syarikat Delima.

MODUL 3
Buku Teks ms. 72

Syarikat Delima menggaji dua orang kerani, seorang ditugaskan untuk merekod Buku Tunai dan seorang lagi untuk mengendalikan tunai.

Apakah tujuan Syarikat Delima berbuat demikian?

- A Mengelak berlaku pembaziran
- B Mengelak penyalahgunaan tunai**
- C Memastikan tunai tidak dipegang terlalu banyak
- D Memastikan perniagaan mempunyai tunai yang mencukupi

2. Bagaimanakah peniaga dan pihak bank merekod urus niaga kemasukan dan pengeluaran wang bagi Akaun Semasa peniaga?

MODUL 3
Buku Teks ms. 74

	Pihak Bank	Peniaga
A	Akaun Semasa	Akaun Tunai
B	Lejar	Buku Tunai
C	Penyata Bank	Buku Tunai
D	Buku Tunai	Akaun Semasa

3. Apakah fungsi Penyata Bank kepada pemegang Akaun Semasa bank?

MODUL 3
Buku Teks ms. 74

- I Untuk menyemak ketepatan catatan dalam Buku Tunai
- II Untuk mengetahui jumlah baki wang yang ada di pejabatnya
- III Untuk membandingkan baki di bank dengan baki tunai di tangan
- IV Untuk mengetahui bayaran dan deposit yang telah dibuat melalui bank

- A I dan II**
- B I dan IV**
- C II dan III**
- D III dan IV**

4. Penyata Penyesuaian Bank disediakan bertujuan untuk

MODUL 3
Buku Teks ms. 76

- A memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam Penyata Bank**

- B** menyalarkan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank
- C** mengetahui baki Buku Tunai pada akhir setiap bulan
- D** mengenal pasti penerimaan dan pembayaran oleh bank bagi pihak perniagaan

5. Data berikut diperoleh daripada buku Syarikat Jill.

MODUL 3
Buku Teks ms. 76

	RM
Baki debit Buku Tunai	1 830
Baki debit Penyata Bank	932

Antara pernyataan berikut, yang manakah menyebabkan perbezaan baki di atas?

- A** Syarikat Jill telah mengeluarkan cek RM898 dan cek ini belum dijelaskan oleh bank
- B** Syarikat Jill telah mendepositkan cek RM898 tetapi ini belum dikreditkan oleh bank
- C** Syarikat Jill telah mengeluarkan cek RM2 762 dan cek ini belum dijelaskan oleh bank
- D** Syarikat Jill telah mendepositkan cek RM2 762 tetapi ini belum dikreditkan oleh bank

6. Maklumat berikut menunjukkan petikan Buku Tunai dan Penyata Bank Kedai Buku Ramu bagi bulan Mac 20X0.

MODUL 3
Buku Teks ms. 75-76

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
20X0		RM	20X0			RM
Mac 1	Baki b/b	1 250	Mac 3	Belian	278491	1 110
5	Jualan	780	15	Sewa	278492	520
12	Marina	260	28	Gaji	278493	1 860
31	Baki h/b	1 200				
		3 490				3 490
				Baki b/b		1 200

UJIAN 3

KERTAS 1

1. Apakah akta yang diguna pakai Syarikat Berhad di Malaysia?

MODUL 5
Buku Teks ms. 160

- A Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- B Akta Perkongsian 1961
- C Akta Syarikat 1965
- D Akta Syarikat 2016**

2. Apakah perkara yang boleh terkandung dalam Perlembagaan Syarikat?

MODUL 5
Buku Teks ms. 161

- I Cara pembayaran dividen
 - II Kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah
 - III Bilangan syer yang diterbitkan setiap tahun
 - IV Carta organisasi staf dan ahli Lembaga Pengarah syarikat
- A I dan II**
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Pernyataan manakah yang benar mengenai Syarikat Awam Berhad?

MODUL 5
Buku Teks ms. 162

- I Syer bebas dipindah milik
 - II Ahli lembaga semestinya pemegang syer
 - III Penyata Kewangan perlu dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan
 - IV Liabiliti pemegang syer adalah tidak terhad
- A I dan III**
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

4. Maklumat berikut adalah perbezaan ciri antara Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad.

MODUL 5
Buku Teks ms. 162


Ciri	Syarikat Persendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
I	Bilangan pengarah	Minimum seorang
II	Status syer	Disenaraikan di Bursa Malaysia
III	Laporan kewangan	Perlu dibentangkan kepada orang awam
IV	Bilangan ahli	2 hingga 50 orang

Perbezaan ciri manakah yang betul?

- A I dan II
- B I dan IV**
- C II dan III
- D III dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri Syer Keutamaan. Manakah yang betul?

MODUL 5
Buku Teks ms. 165



6. Pernyataan manakah yang betul tentang ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan?

MODUL 5
Buku Teks ms. 165

	Syer Biasa	Syer Keutamaan
I	Kadar dividen berubah	Kadar dividen tetap
II	Dividen dibayar selepas syer keutamaan	Dividen dibayar sebelum syer biasa
III	Bayaran balik modal diutamakan	Bayaran balik modal tidak diutamakan
IV	Pemilik menanggung risiko yang rendah	Pemilik menanggung risiko yang tinggi

- A I dan II**
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Syarikat Ali Tamimi Berhad menerbitkan 4 450 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.68 sesyer. Semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh.

MODUL 5
Buku Teks ms. 166

Berapakah modal yang diterima Syarikat Ali Tamimi Berhad, hasil daripada terbitan Syer Biasa?

- A RM7 076 000
- B RM7 476 000**
- C RM7 674 000
- D RM7 766 000

KERTAS MODEL SPM

Kertas 1

(Masa: 1 jam 15 minit)

[40 markah]

Skor

/100


Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **sat** jawapan sahaja.

1. Pernyataan di bawah berkaitan dengan subbidang perakaunan.

Kerja-kerja pemeriksaan kesahihan dan keadilan penyata kewangan sesuatu perniagaan dilakukan untuk mengesan perbuatan yang tidak amanah.

Apakah subbidang tersebut?

- A Pemasaan
 - B Pengauditan**
 - C Perakaunan Kewangan
 - D Perakaunan Pengurusan
2. Rajah 1 berkaitan dengan pembahagian akaun.



Rajah 1

Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A	Akaun Ambilan	Akaun Modal
B	Pulangan Belian	Pulangan Jualan
C	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
D	Akaun Sewa Diterima	Akaun Sewa Dibayar

3. Urus niaga berikut telah berlaku dalam perniagaan Restoran Yuen Yuen.

Puan Yuen membayar Ali Enterprise dengan cek yang bernilai RM5 250 untuk menjelaskan hutang. Beliau menerima diskaun tunai sebanyak RM180.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
	RM	RM	RM
A	(5 250)	(5 430)	180
B	5 430	5 250	180
C	5 250	5 430	(180)
D	(5 250)	(5 070)	(180)

4. Encik Haris, seorang pembekal topeng muka telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggannya bersama dengan nota serahan dan invois. Selepas beberapa hari kemudian beliau mendapati bahawa invois tersebut telah berkurang caj.

Apakah dokumen yang perlu dihantar oleh Encik Haris kepada pelanggannya untuk membetulkan invois tersebut?

- A** Nota Debit
 - B** Nota Kredit
 - C** Makluman Debit
 - D** Makluman Kredit
5. Pilih padanan yang betul bagi dokumen dan urus niaganya.

	Dokumen	Urus Niaga
A	Invois	Jualan secara kredit
B	Resit	Bukti penerimaan barang niaga
C	Nota kredit	Angkutan atas belian barang niaga
D	Baucer pembayaran	Bukti pembayaran Akaun Belum Bayar